

Headline	Jaga ibu bapa sebagai ibadat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	4	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	147 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,408
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,224



Jaga ibu bapa sebagai ibadat

KUALA LUMPUR: Anak-anak perlu menjadikan tugas menjaga dan memelihara ibu bapa yang sudah tua sebagai satu ibadat dan bukan sebagai tanggungjawab kerana tanggungjawab akan menjadikan mereka penat dan lama kelamaan menjadi jemu.

Sebaliknya, pendakwah bebas yang juga kaunselor, Dr Rubiah Hamzah berkata, jika tugas menjaga ibu bapa dianggap sebagai ibadat, anak-anak tentu tidak merasa jemu,

malah akan sentiasa menerima keberkatan Allah.

“Seburuk mana pun keadaan ibu bapa atau sejauh mana mereka, anak-anak tidak boleh menafikan bahawa tanpa ibu bapa, mereka tidak akan lahir ke dunia. Belajar menyayangi manusia bukan kerana manusia, tapi menyayangi manusia kerana Allah.

“Apatah lagi jika anak lelaki, syurga mereka tetap pada ibunya tidak kira bagaimana keadaan ibu

mereka. Dendam yang tersimpan kerana kesalahan ibu bapa tidak seharusnya menjadi alasan untuk memutuskan hubungan dengan mereka dan ingat sebanyak mana pun ibadat yang dilakukan tidak akan diterima sekiranya memutuskan silaturahim,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan Metro Ahad semalam mengenai rintihan seorang ibu Nur Haina Muhammad, 59, yang disis-

ihkan empat anaknya berikutan dijangkiti HIV lima tahun lalu melalui suaminya yang kaki perempuan.

Malah, selama berkahwin dengan suami keduanya pada 2005, wanita itu tidak mengetahui suaminya kaki perempuan dan mengamalkan seks bebas sehingga dia mengetahui dijangkiti kuman HIV daripada suami selepas suaminya meninggal dunia pada 2007.

Dia yang kini tinggal di sebuah pusat penjagaan

penghidap Aids, Rumah Solehah, di sini, berharap dapat bertemu keempat-empat anak menjelang Aidilfitri walaupun sekali sebelum menghembuskan nafas terakhir.

Rubiah berkata, apa yang dilakukan seorang anak terhadap ibunya akan menjadi contoh kepada anaknya pula pada masa depan dan ia satu kesempatan baik supaya apabila mereka sudah meniti usia tua, anak mereka tahu apa yang perlu dilakukan.



IMBAS...laporan Metro Ahad, semalam.